

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 DISEMBER 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 20

TVET penuhi keperluan industri

TVET penuhi keperluan industri

JKP anjur Karnival Masuk Institut Latihan Kemahiran Secara Maya 2022 catat 42,395 pengunjung

Oleh Suliaty Asri
suliaty@metro.com.my

Bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) terbukti mampu menghasilkan tenaga kerja mahir yang memenuhi keperluan pihak industri.

Menjelang 2030, TVET dijangka mampu melahirkan sebanyak 35 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Justeru, dalam usaha menyemai kesedaran TVET dalam kalangan masyarakat Malaysia dan menjadikannya bidang itu sebagai pilihan utama alam kerjaya, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) mengajurkan Karnival Masuk Institut Latihan Kemahiran Secara Maya 2022.

Dengan slogan Jom Pilih Kemahiran, karnival ini berterusan dengan teras Stra-



SEMAWANG
SILAKAPAN MANUSIA

WEBINAR

SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA & PEMBIAYAAN LATIHAN KEMAHIRAN

29 September 2022 | Khamis | 10:00 pagi - 1:00 petang

Moderator



Farhan Mokhaili



Abdul Halim Jahaya
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK),
Kementerian Sumber Manusia



Mohamed Faizal Alias
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)



Nur Fifiya binti Aris
Perhubungan Keselamatan Sosial (PERKESO)

Dianjurkan oleh:



JKP

SkillsMalaysia 2.0

SKILLS4ALL


JOM PILIH
KEMAHIRAN



Penyertoan
percuma



E-SIJIL
disediakan



Berpeluang menyertai Kuiz dan
Cabutan Bertuah

SESI webinar membabitkan 13 penceramah dari pelbagai agensi awam dan swasta antaraannya Jabatan Pembangunan Kemahiran, Jabatan Tenaga Manusia, CIASST, Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia KBS, JPPKK, Kolej Vokasional MARA, GIATMARA, CIDB, PTPK dan Perkeso turut diadakan.

tegik keenam di dalam Kerangka Blueprint Pembangunan Modal Insan Berkemahiran Memperkaskan Modal Insan Melalui TVET Dipacu Industri 2021-2025 yang menggariskan untuk menyebar luas kesedaran TVET dalam kalangan masyarakat.

Berlangsung selama lima hari bermula 26 hingga 30 September lalu, karnival ini berjaya mencatatkan seramai 42,395 pengunjung ma-

nya. Pada hari pertama juga berjaya menghimpunkan lebih 75 institusi latihan kemahiran awam dan swasta yang menyediakan pelbagai informasi peluang latihan kemahiran kepada pengunjung.

Di samping itu, memeriahkan lagi karnival yang diadakan secara maya ini, pelbagai aktiviti dianjurkan melalui platform, jompillik-kemahiran2022.dsdb.gov.my secara interaktif yang berbentuk pengetahuan, inova-

si dan teknologi.

Sesi webinar membabitkan 13 penceramah dari pelbagai agensi awam dan swasta antaranya Jabatan Pembangunan Kemahiran, Jabatan Tenaga Manusia, Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIASST), Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia Kementerian

Kemahiran Belia dan Sukan (KBS), JPPKK, Kolej Vokasional, Majlis Amanah Rakyat (MAR), GIATMARA, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), PTPK dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) turut diadakan.

Selain itu, menariknya, Pertandingan e-Sport Sistem Kawalan Drone yang julung

kali diadakan tahun ini berjaya mencatatkan penyertaan seramai 100 penyertaan.

Sebanyak 20 pasukan menyertai Pertandingan Debat Kemahiran Negara yang membabitkan golongan belia mengupas isu semasa TVET dan Latihan Kemahiran.

Melalui pengajuran karnival seperti ini, ia diilih akan dapat mengaruspertakan lagi bidang TVET di dalam negara khususnya dalam melahirkan tenaga kerja mahir negara.

20 pasukan menyertai
Pertandingan Debat
Kemahiran Negara